


JUMAAT • 29.12.2017

kota@utusangroup.com.my

UTUSAN KOTA

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my



**LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA**



RUNTUHAN tebing Sungai Semenyih akibat hujan lebat pada 16 Disember lalu.



BEBERAPA penduduk melihat runtuhan tebing Sungai Semenyih di Kampung Sungai Purun Semenyih, Selangor semalam.



PEMASANGAN kanvas dilakukan bagi mengelakkan runtuhan tebing Sungai Semenyih melarat ke tempat lain.



BANJIR kilat di Taman Semenyih Indah terus menghantui penduduk setempat.

REAKSI

**AMBIL TINDAKAN
SEGERA**



"SAYA mohon kerajaan negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta kontraktor untuk meneruskan projek ini secepat mungkin. Ini untuk mengelak daripada

sebarang kejadian tidak diingini termasuk melibatkan kehilangan nyawa."

ZUHAIRY ABD. KARIM
Penduduk



"KALAU hakisan ini berlaku lagi sehingga meruntuhkan jalan raya, ia bukan sahaja memberi kesan kepada penduduk Kampung Sungai

Purun tetapi turut melibatkan beberapa kawasan lain antaranya Taman Gembira dan Taman Lestari Mewah."

HAMDAN ABU
Penduduk



"PENDUDUK mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi penghargaan kepada JPS yang berusaha untuk mengatasi

masalah ini. Ini bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin selain memastikan aliran air sungai itu berjalan lancar."

ABU SAMAH BACHIK YUSOF
Penduduk

Penduduk sepanjang Sungai Semenyih gesa JPS segera siapkan projek tebatan banjir

'Akhiri derita kami'



**SKUAD
TERJAH**



Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN,**
AMIRUL AIMAN ANUAR dan **NIK
HAFIZUL BAHARUDDIN**

kota@utusangroup.com

■ SEMENYIH 28 DIS.

LEBIH 800 penduduk di Kampung Sungai Purun, di sini mendesak supaya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) segera menyiapkan projek tebatan banjir di Sungai Semenyih untuk mengelak kejadian hakisan tanah dan tebing runtuh berulang.

Penduduk mendakwa, kejadian tebing runtuh akibat hujan lebat pada 16 Disember lalu adalah paling buruk berlaku sehingga turut menjejaskan sebatang jalan utama yang menjadi laluan keluar masuk penduduk.

Lebih menambah derita apa-



KERJA-KERJA menambak giat dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran bagi mengukuhkan struktur tebing.

bila mereka turut berdepan masalah gangguan bekalan air ekoran kejadian paip pecah di kawasan berkenaan.

Tinjauan *Skuad Terjah* di ka-

wasan itu mendapati, projek tebatan banjir termasuk membina semula tebing runtuh giat dijalankan ketika ini oleh JPS, namun tidak dapat dipastikan

tarikh projek tersebut akan siap.

Kebimbangan penduduk juga berasas kerana runtuh tebing yang berlaku berdekatan Lebuhraya Kajang-Seremban (Lekas) terlalu besar dan ia kini dipisahkan kira-kira 10 meter dari kawasan rumah.

Meskipun lebih 10 hari selepas kejadian itu berlaku, penduduk masih dihantui ketakutan dan trauma setiap kali hujan lebat menyebabkan arus air sungai mengalir deras.

Difahamkan, bencana malang itu berlaku pada setiap kali musim tengkujuh menyebabkan paras air naik mendadak, bahkan ia turut melibatkan lokasi lain di sepanjang sungai itu.

Sementara itu, Setiausaha Gagasan Prihatin Semenyih (GPS), Hamdan Abu berkata, projek berkenaan diharap dapat disiapkan lebih awal dari tarikh ditetapkan kerana penduduk sudah tidak tahan berdepan masalah banjir kilat.

"Kita harap JPS dapat bina satu struktur yang kukuh di bahagian tebing demi keselamatan penduduk berdekatan Sungai Semenyih," katanya.

KERJA-KERJA melebarkan Sungai Semenyih untuk menampung jumlah kapasiti air, ketika hujan lebat akan dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran Hulu Langat dengan kadar segera.



JPS bina tebatan banjir Sungai Semenyih, elak hakisan

KUALA LUMPUR 28 Dis. - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang membina projek rancangan tebatan banjir Sungai Semenyih sepanjang tiga kilometer bermula di Batu 3 sehingga Batu 5, Semenyih.

Jurutera JPS daerah Hulu Langat, V. Kalai Selvan berkata, projek melibatkan kos bernilai RM5 juta itu dilaksanakan pada 1 November tahun lalu dan dijangka siap pada 30 April tahun depan.

"Projek tersebut bertujuan melebarkan Sungai Semenyih untuk menampung jumlah kapasiti air ketika hujan lebat.

"Selain itu, JPS turut menaik taraf kawasan tebing dan mengukuhkan struktur berkenaan untuk mengelak kejadian hakisan dan tanah runtuh," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai kebimbangan penduduk berhubung kejadian hakisan tebing Sungai Semenyih di Kampung Sungai Purun, Semenyih serta harapan mereka mengenai projek tebatan banjir berkenaan.

Jelasnya, projek demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk itu juga dapat mengurangkan had laju air dan menjadikan sungai berkenaan cetek.

Ditanya mengenai masalah hakisan pada 16 Disember lalu, beliau berkata, kejadian itu berlaku ekoran hujan terlalu lebat dan melanggar struktur yang sedang dalam tempoh pembinaan.

"Kejadian ini sesuatu yang tidak dapat dielakkan memandangkan projek masih belum siap sepenuhnya," katanya.